

28 SEP 1998

Mohamed-Umno

ADA BAHAGIAN UMNO DIGUNA JATUHKAN DR MAHATHIR, KATA MOHAMED RAHMAT

JOHOR BAHRU, 28 Sept (Bernama) -- Menteri Penerangan Datuk Mohamed Rahmat berkata terdapat beberapa bahagian Umno yang dipergunakan untuk menjatuhkan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai presiden parti.

Beliau berkata ada di kalangan pemimpin di peringkat bahagian berkenaan dibayar elaun bulanan antara RM5,000 dan RM10,000 manakala ada bahagian disediakan peruntukan antara RM1 juta dan RM2 juta bagi menjalankan kegiatan subversif dalam parti.

"Kita boleh mengenal pasti (bahagian-bahagian) mana yang terlibat. Ada cakap-cakap 90 bahagian yang dipergunakan," kata beliau kepada pemberita selepas menghadiri majlis taklimat mengenai isu politik semasa Umno Bahagian Pulau di sini hari ini.

Mohamed yang juga Anggota Majlis Tertinggi Umno, berkata pemimpin-pemimpin bahagian berkenaan harus bertaubat dan kembali kepada perjuangan parti.

"Wang yang diterima itu semata-mata untuk melaksanakan gerakan menjatuhkan pucuk pimpinan," katanya.

Katanya kewibawaan Umno telah tercabar dan oleh itu setiap anggotanya perlu menunjukkan taat setia kepada parti dan menerima dengan hati terbuka keputusan Perdana Menteri untuk memecat Datuk Seri Anwar Ibrahim daripada kerajaan.

Mereka juga harus menerima keputusan MT untuk memecat Anwar daripada parti kerana tindakan itu untuk memelihara kesucian Umno daripada tercemar, kata Mohamed.

Beliau juga membidas golongan yang menggunakan masjid untuk menjalankan demonstrasi dan mengingatkan rakyat supaya tidak terlibat kerana polis akan bertindak tegas.

"Masalah ini bukan masalah agama. Oleh itu tidak wajar masjid di salahgunakan," katanya.

Mohamed juga berkata terdapat bukti campur tangan luar untuk melemahkan kerajaan berikutan isu pemecatan Anwar.

"Sudah tentu media asing memainkan peranan dalam hal ini," katanya.

Beliau berkata ada juga penyokong Anwar yang telah pergi ke beberapa negara untuk mendapat sokongan dan melibatkan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) luar untuk mencapai matlamat mereka.

Katanya apa yang dihadapi sekarang ialah masalah dalaman Malaysia dan rakyat negara ini berhak menyelesaikan masalahnya sendiri tanpa campur tangan orang luar.

-- BERNAMA

MKO MAI